

24 NOV 2001

Abdullah-Islam

MALAYSIA NEGARA ISLAM: PERLEMBAGAAN TIDAK DIUBAH

KOTA KINABALU, 24 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata tidak akan ada perubahan daripada segi perlembagaan mahupun undang-undang negara berikutan pengumuman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam.

Katanya, kenyataan Perdana Menteri itu bukanlah satu "kenyataan hasrat" bagi membayangkan bahawa kerajaan berhasrat menjadikan Malaysia sebuah negara Islam.

" Apa yang dinyatakan ialah bahawa memangpun kini sudah wujud situasi yang negara ini boleh dianggap sebagai negara Islam. Ia kenyataan berdasarkan hakikat mengenai keadaan sebenar yang wujud," kata Timbalan Perdana Menteri ketika merasmikan kongres ke-12 Parti Liberal Demokratik (LDP) di sini hari ini.

Presiden LDP ialah Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat.

Abdullah berkata rakyat Malaysia bebas menganut agama yang dipilih dan bebas menjalankan kegiatan keagamaan seperti biasa.

Beliau juga berkata pengumuman Perdana Menteri tidak mengubah keadaan kebebasan beragama yang selama ini dinikmati oleh rakyat berbilang bangsa dan agama.

Abdullah juga berkata kejayaan Barisan Nasional (BN) untuk terus menerajui tampuk kerajaan Sabah setelah memenangi pilihan raya negeri 1999, telah mengembalikan keyakinan pelabur asing untuk datang ke negeri itu.

Namun, apa yang penting ialah kerajaan BN negeri mesti membuktikan kebolehan membangunkan negeri itu walaupun dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang, katanya.

"Sekiranya wujud perpaduan yang kukuh di kalangan parti, maka ia akan dapat menyelesaikan segala masalah yang dihadapi oleh negara dan ekonomi," katanya.

Sehingga kini, kerajaan pusat mampu mengawal keadaan ekonomi negara agar tidak merundum walaupun pertumbuhan ekonomi tidak mencapai kadar 1 peratus, kata Abdullah.

Sungguhpun dengan keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu, kebajikan rakyat khususnya mereka yang berada di luar bandar tetap terpelihara, katanya.

"Kerajaan prihatin terhadap nasib rakyat dan tidak mahu mereka menderita disebabkan oleh keadaan ekonomi yang ada sekarang," kata Timbalan Perdana Menteri.

Ini terbukti dengan peruntukan yang terbesar disediakan bagi pembangunan luar bandar dalam Belanjawan 2002 bulan lepas, kata Abdullah.

-- BERNAMA

HAK MAI